



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (07 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **dua (2) kes** positif COVID-19 dikesan di Kuching (1) dan Serian (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,070 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19.**

##### **I. Daerah Serian (1 Kes Baharu) (Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,069** merupakan warganegara Indonesia dan isteri kepada kes 1,066 yang disaring kerana mempunyai kontak rapat kepada kes 1,066. Kes ini tinggal di tempat kerja dan merupakan pekerja di ladang kelapa sawit yang sama. Maklumat awal mendapati kes juga pernah balik ke Kalimantan, Indonesia dan masuk semula pada awal Oktober 2020 bersama-sama kes ke-1,066.

Kes telah dikesan dan disaring semasa pengesanan kes aktif kepada kes 1,066 pada 5 Disember 2020 dan didapati positif COVID-19 pada 6 Disember 2020. Kes juga tidak mengalami sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19.

Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan telah mendapat jangkitan daripada kes ke-1066.

## **II. Daerah Kuching (1 Kes Baharu) (Kes Import- A)**

**Kes 1,070** ini adalah seorang lelaki warganegara tempatan (Sarawak) yang telah pulang dari negara Gabon, Afrika Tengah pada 2 Disember 2020. Kes adalah pemandu jentolak di sebuah kem pembalakan di Gabon. Kes memulakan penerbangan dari Libreville, Gabon telah singgah di beberapa negara di benua Afrika termasuk Dubai, UAE sebelum meneruskan penerbangan dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA1) pada 4 Disember 2020.

Semasa transit di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-1), kes telah menjalani saringan COVID-19 menggunakan RTK Antigen dan keputusan saringan adalah tidak reaktif kepada COVID-19. Kes kemudian meneruskan perjalanan ke Kuching menggunakan penerbangan pada hari yang sama.

Setibanya kes di Kuching pada 4 Disember 2020, kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin hotel bagi menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Kes telah disaring semula pada 5 Disember 2020 dan ujian rT-PCR didapati positif pada 6 Disember 2020.

Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes Import A iaitu kes telah mendapat jangkitan semasa berada di luar negara.

#### **B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.**

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan.** Terdapat empat (4) kluster yang masih aktif di Sarawak seperti berikut:

- i) Kluster Besi, Kuching :** kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.
- ii) Kluster Jalan Abell, Kuching :** kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.
- iii) Kluster Greenhill, Kuching :** kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.
- iv) Kluster Wisma Saberkas, Kuching :** kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

**C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.**

**Terdapat satu (1)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj telah meningkat kepada **1,035** orang atau **96.73%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah kekal seramai **16** orang iaitu:

- 11 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Tiga (3) kes di Hospital Miri; dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

Hari ini, **terdapat dua (2) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

**D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Daerah Kuching dan Serian kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **empat (4)** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Kuching (2) dan Serian (2). Manakala 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. LAPORAN NOTIS TANGKAPAN/KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah menangkap seorang (1) lelaki warga tempatan pemilik premis yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan disiasat di bawah Ordinan Hiburan di Lawas. Selain itu Polis juga telah mengeluarkan sebanyak **17 notis kompaun** di Lawas (15), Kota Samarahan (1), dan Miri (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **85 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (26), BDA (23), MPP (11), DBKU (7), MDDM (6), MBKS (4), MD Serian (3), MB Miri (3) dan MPKS (2).

## **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini, sebanyak **1,353 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (194), Restoran (285), Kilang (17), Bank (120), Pejabat Kerajaan (54), Penjaja (24), Pasar Tani/Awam (57), Tempat Ibadah (66), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (21) dan lain-lain (479).

Seramai **584 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (275), ATM (34), RELA (132), APM (84), PBT (52), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,072** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**07 DISEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1068	Total Cases still in ward	16	1.50%
New Cases	2	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	187,443	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1070	Total Death Cases	19	1.78%
IR per 100,000 population	34.69	Recovered and discharged cases	1,035	96.73%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	0	9,774	2	10,844
Pending Result	0	0		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	11	2	0	3	0	16
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	1	0	0	0	1
	Cummulative	867	41	49	76	1035
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	1	7,310	1	714	1	694	0	12	8	8	2
2	Serian	1	329	1	27	0	25	0	0	2	2	2
Jumlah		2	7639	2	741	1	719	0	12	10	10	4

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Miri	0	911	0	58	0	56	0	1	1	0	0
2	Lawas	0	29	0	11	0	10	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	10	0	1	2	2	0
5	Samarahan	0	599	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Bintulu	0	326	0	49	0	49	0	0	0	0	0
7	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Sibu	0	124	0	19	0	17	0	0	2	2	0
9	Bau	0	184	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	56	0	4	0	3	0	1	0	0	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>3,203</b>	<b>0</b>	<b>329</b>	<b>0</b>	<b>316</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>2</b>	<b>10,842</b>	<b>2</b>	<b>1,070</b>	<b>1</b>	<b>1,035</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>16</b>	<b>15</b>	<b>4</b>
---------------------	----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **463 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **39 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,430 orang**. Manakala seramai **36,686 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 07.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,453)</b>	Hock Lee	149
2		Grand Dormani	17
3		Kuching Park	94
4		Pullman	427
5		Hilton	310
6		Harbour View	237
7		Riverside (Astana Wing)	256
8		Grand Margherita	309
9		Imperial Boulevard	232
10		Tune Hotel	71
11		Dormani Hotel	52
12		Grand Continental	175
13		Meritin	16
14		Longhouse	52
15		Abell	0
16		Lot 10	56
17	<b>Miri (1,161)</b>	Mega Hotel	150
18		Somerset	38
19		Imperial Palace	257
20		Eastwood Valley	69
21		Paragon	66
22		Meritz	233
23		Miri	48
24		Dynasty	133
25		Kenyalang Suite	40
26		Citi Hotel	57
27		Nova	70
28	<b>Bintulu (292)</b>	Wasan Inn	33
29		Fairfield by Marriot	132
30		Kidurong Inn	38
31		Motel Kapok	37
32		Faber Inn	26
33		AA Inn	26
34	<b>Limbang (254)</b>	Purnama	147
35		Seri Malaysia (Lawas)	84
36		Mandarin (Lawas)	23
37	<b>Sibu (151)</b>	Premier	151
38	<b>Samarahan (119)</b>	INFRA	56
39		Kolej Rafflesia, UNIMAS	63
<b>Jumlah PUS</b>			<b>4,430</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (2), Kuching (1) dan Sibul (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,052 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 07.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>691</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>412</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>1</b>	<b>192</b>
4	Samarahan	TIADA	134
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	95
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,052</b>

#### 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **30 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 07.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	MCC	13
5	MD Marudi	3
6	MD Lawas	1
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>